

'Segerakkan bon Samurai kedua'

Malaysia dapat persetujuan Kerajaan Jepun pada kadar faedah rendah



Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, mahu terbitan bon Samurai kedua menjadi kenyataan pada tahun ini kerana kadar faedah ditawarkan adalah sangat rendah.

Beliau berkata, Malaysia sudah mendapat persetujuan Kerajaan

Jepun bagi terbitan bon berkenaan pada kadar faedah 0.5 peratus, iaitu lebih rendah berbanding 0.63 peratus yang ditawarkan Mac lalu.

"Tidak ada bank yang boleh menawarkan kadar faedah se-rendah itu... Bagaimanapun, terpulang kepada Menteri Kewangan, sebab dia yang menguruskan (bon Samurai)," katanya pada sidang media bersama wartawan Malaysia di akhir lawatannya ke Kyoto, Jepun, semalam.

Mengenai nilai bon yang akan diterbitkan kali ini, Dr Mahathir berkata ia akan lebih tinggi berbanding ¥200 bilion (RM7.34 bilion) sebelum ini.

Bulan lalu, Perdana Menteri mengumumkan kerajaan sedang mempertimbangkan satu lagi terbitan bon Samurai.

Mengenai pendapat pakar kewangan yang mengatakan langkakah kerajaan menerbitkan bon

baharu adalah berisiko tinggi, Mahathir berkata beliau tidak pernah bersetuju dengan pandangan pakar.

"Ada yang kata amat bahaya kalau kita guna bon Samurai kerana mungkin nilainya naik, itu satu kemungkinan tetapi kalau kita tidak tukar, kita guna pinjaman yang dikenakan kadar faedah enam hingga tujuh peratus maka itu akan tetap membebankan kita," katanya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, kerajaan akan mendingar pendapat pakar sebelum meneruskan penerbitan bom Samurai kedua itu.

"Kita kena dengar pendapat pakar kerana saya bukan pakar. Malah, saya bukan pakar ekonomi. Jadi pendapat saya berkenaan ekonomi pun tidak betul. Tetapi entah macam mana negara kita dapat dibangunkan semasa saya jadi perdana menteri dulu," katanya.